

KAIN PUA: PERANAN DAN STATUS WANITA IBAN MELALUI RITUAL NAKAR

Kain Pua: The Role and Status of Iban Women Through Nakar Ritual

Mohamad Zamani Pit¹

¹*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*

¹*Zamanipit@gmail.com,*

Dihantar: 25 Mac 2023 / Diterima: 11 Jun 2023 / Terbit: 21 Disember 2023

Abstrak

Kaum Iban merupakan kaum sangat menghargai adat dan budaya dalam kehidupan seharian mereka. Mereka masih kuat berpegang pada adat serta budaya nenek moyang mereka. Hal ini dapat dilihat pada cara mereka memperlakukan kain Pua yang merupakan artifak paling sakral dalam kebudayaan Kaum Iban. Kain Pua memainkan peranan yang sangat signifikan pada Kaum Iban bukan sahaja sebagai alat perhiasan rumah dan untuk kegunaan dalam adat dan upacara semata-mata. Kain pua mampu mengangkat status sosial wanita Iban supaya lebih dihormati dalam komuniti rumah panjang dengan mendapai status Indu Nakar melalui ritual Nakar. Oleh itu, fokus utama artikel ini adalah untuk menerangkan peranan dan status wanita Iban melalui ritual Nakar. Objektif utama yang cuba dicapai adalah untuk memperlihatkan cara pelaksanaan ritual kain Pua yang merangkumi proses sebelum, semasa dan sesudah ritual dijalankan. Penekanan turut diberikan kepada hierarki yang wujud dalam kalangan penenun Kain Pua yang dipengaruhi oleh tahap kepandaian si penenun itu sendiri. Kajian ini diharapkan dapat mengisi kelompongan kajian berkenaan dengan kain pua dan ritual nakar kaum Iban untuk rujukan pada masa akan datang.

Kata Kunci: Iban, Kain Pua, Ritual Nakar, Sarawak

Abstract

The Iban value customs and culture in their daily lives. Iban is one of the races that still strongly adheres to the customs and culture of their ancestors. This can be seen in the way they treat kain Pua, which is the most sacred artifact in the Iban culture. Pua' cloth plays a very significant role for the Iban not only as a home decoration but also for use in customs and ceremonies. Kain pua also able to raise the social status of Iban women so that they are more respected in the longhouse community by attaining Indu Nakar status through the Nakar ritual. Therefore, the main focus of this article is to explain the role and status of Iban women through the Nakar ritual. The main objective that is trying to be achieved is to show how the Pua` cloth ritual is performed, which includes the process before, during and after the ritual is carried out. Emphasis is also given to the hierarchy that exists among the weavers of Kain Pua which is influenced by the skill level of the weaver himself. This study is expected to be able to fill the gaps in the research related to pua cloth and Iban nakar rituals for reference in the future.

Keywords: *Iban, Kain Pua, nakar Ritual, Sarawak*

Pengenalan

Kaum Iban merupakan kaum terbesar yang mendiami Sarawak dan kawasan tempat tinggal mereka berada di kawasan tebing sungai. Lazimnya, pekerjaan kaum ini adalah seperti penanam padi, pemburu, nelayan dan juga memungut hasil hutan seperti buah, sayuran untuk makanan dan juga untuk penghasilan kraf tangan (Lenna Demay Ak Joseph Machine, 2007: 1-2). Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Peter Mulok Kedit (1980);

"...the iban live in a world of tree, animals, myriads of insects and thousands of other living things in a closed system characterised by the tropical rain forest ecology. They share the strange environment of jungle-life with non-human organisms.... Life to the

Ibans is a continual process of balancing the existence of all beings, whether natural or supernatural" (Peter Mulok Kedit, 1980: 23-24).

Penggunaan istilah iban itu sendiri menurut bangsa iban digunakan berdasarkan tiga cara iaitu yang pertama, perkataan iban digunakan bagi membezakan diri mereka dengan Land Dayak, kaum kayan, kaum Melayu, Cina dan juga kaum lain di Sarawak. Kegunaan istilah Iban yang kedua ialah untuk membezakan manusia biasa dengan dukun atau manang. Manang ialah seorang yang mempunyai skill dan pengetahuan dalam bidang ilmu hitam dan boleh menyembuhkan penyakit yang tidak biasa dalam kalangan Masyarakat (Salmah Jan Noor Muhammad, 2018: 766). Kegunaannya istilah Iban yang ketiga adalah memberikan maksud yang ringkas. Contoh yang jelas ialah "bisi iban di rumah?" yang bermaksud ada sesiapa di rumah (Jansen Erik, 1974: 17).

Berdasarkan ketiga fungsi ini, istilah iban ini sebenarnya bagi tujuan pembezaan dengan kaum lain dan juga untuk menunjukkan bahawa mereka itu manusia biasa dan bukan dalam kalangan dukun. Selain itu, perkataan iban itu juga dikatakan berasal dari perkataan "hivan" yang membawa maksud agresif dan orang yang berhijrah ke lembangan sungai Rejang dari kawasan selatan ke barat pada abad ke-19 (Wadley R. L., 2001: 4). Manakala istilah Dayak yang digunakan dalam frasa sea Dayak dan land Dayak itu berasal dari perkataan Dayak, Dyak yang merujuk kepada bangsa bukan melayu di kepulauan Borneo dan tidak mempunyai kepentingan dan suku kaum dimana kemungkinan perkara itu berasal dari perkataan daya yang membawa erti "inland" (Charles Hose, 1926: 145).

Kain Pua Atau Pua Kumbu

Pua` Kumbu atau Kain Pua amat signifikan kepada masyarakat Iban di Sarawak, kawasan Kalimantan dan juga beberapa bahagian kecil di Sabah. Ini kerana kesenian ini merupakan

lambang dan jati diri kepada kaum yang mendominasi sebuah negeri terbesar di Malaysia. Kesenian Pua` kumbu ini sangatlah penting dalam kehidupan masyarakat Iban kerana ia digunakan dalam aktiviti harian dan juga sangat penting dalam aktiviti yang melibatkan ritual-ritual yang bersangkutan-paut dengan perkara makhluk ghaib dan juga keagamaan nenek moyang. Kain Pua ini juga merupakan salah satu dari objek sakral dalam masyarakat Iban. Ini kerana tanpa kehadiran kain Pua ini, sesuatu ritual tidak akan dapat dilaksanakan. Berdasarkan kepercayaan kaum Iban, kain Pua merupakan jambatan berserta sempadan yang memisahkan dunia manusia dengan dunia ghaib.

Warna asas kepada kain Pua adalah berwarna merah yang didapati dari pokok mengkudu, iaitu warna coklat kemerah-merahan daripada *psychotria* dan warna kuning yang diperolehi daripada *caesalpina sappan* (Kim Jane Saunders, 1997: 44). Kain Pua ini kebiasaannya berkait rapat dengan cara hidup kaum Iban dan bukan semata digunakan untuk tekstil perhiasan semata-mata. Hal ini kerana dalam proses menenun kain Pua memerlukan pematuhan adat yang tinggi di samping perlu akur dengan segala pantang larang dan juga petua sepanjang proses tenunan dilakukan. Oleh itu, terdapat banyak ritual dalam penghasilan Kain Pua ini yang menyebabkan kain ini unik bukan sahaja dari segi corak malahan juga warisan juga sejarah berkenaan kaum Iban itu sendiri.

Status dan Kedudukan wanita Penenun dalam Kebudayaan Iban

Selain daripada bekerja di sawah padi, wanita Iban akan menghabiskan masa dengan menenun kain pua terutama bagi mengisi masa lapang setelah musim menuai. Selain daripada untuk tujuan kesenian, menenun kain pua ini sebenarnya akan mampu membantu menaikkan taraf sosial wanita Iban dalam masyarakat. Oleh itu, terdapat beberapa kategori atau strata sosial wanita Iban ini. Status-status bagi wanita Iban adalah yang pertama, para ibu rumah tangga sebagai status paling rendah.

Status yang kedua pula ialah "indu temua indu lawai". Status yang ketiga pula ialah "indu sikat indu kebat" dan status yang terakhir dan paling tinggi mampu dicapai seorang wanita Iban ialah "indu nakar indu ngar" (Awanis Hidayati, 2017: 8).



Rajah 1: Hierarki Sosial Wanita Iban

Sumber: Awanis Hidayati, 2017: 8.

Kategori yang pertama dan status paling rendah ialah wanita para ibu rumah tangga. Wanita Iban dalam kategori ini tidak mempunyai bakat dalam menenun dan secara kebiasaannya secara turun-temurun tidak menenun kain pua. Tidak seperti status wanita Iban lainnya, mereka dari garis keturunan ini tidak akan dapat mewarisi apa-apa kemahiran berkaitan kain pua. Wanita dalam status ini biasanya hidup miskin dan perkerjaan mereka biasanya mengumpulkan makanan menyebabkan mereka dari kategori ini tidak mempunyai masa bagi menenun kain pua.

Kategori yang kedua pula disebut sebagai "indu temua indu lawai". Mereka ini kebiasaannya isteri-isteri dari para ketua-ketua suku seperti isteri Tuai Rumah. Wanita dalam kategori ini boleh

dikatakan kaya kerana mempunyai waktu lapang serta senggang untuk mengurus tetamu keluarga dan menenun kain. Wanita dalam kategori ini biasanya hanya akan menenun kain yang mempunyai motif dan corak biasanya kerana menenun bertujuan bagi mengisi masa lapang. Kategori yang ketiga pula ialah "indu sikat indu Kebat". Wanita Iban yang berada dalam status ini dikatakan sudah mahir dalam tenunan kain pua. Namun begitu mereka masih juga menyalang atau menenun berdasarkan tenunan buatan ibu serta nenek yang mengajar mereka. Pada tahap ini, walaupun mahir, penenun masih lagi tidak boleh menciptakan corak baharu melainkan cuma mampu menenun berdasarkan corak-corak yang sedia ada.

Kategori status penenun yang terakhir ialah "indu nakar indu ngar" yang kebiasanya dari keturunan keluarga penenun yang telah mengembangkan tradisi menenun kain pua semenjak zaman berzaman. Selain menenun, wanita dalam status ini juga sangat berkemahiran dalam mencampur bahan-bahan semula jadi yang boleh dijadikan bahan untuk menenun kain pua yang berkualiti. Terdapat juga wanita dari keluarga biasa yang telah mencapai tahap tertinggi ini, namun sangat jarang. Untuk mencapai tahap ini, kerja keras dan risikonya sangat tinggi kerana kemungkinan menjadi sakit berpanjangan atau "layu" dalam istilah Iban sangatlah tinggi. Namun, jika wanita Iban itu berjaya, maka mereka akan memperoleh penghormatan tertinggi dalam masyarakat dan apa juga upacara dan adat resam bangsa Iban ini. Masyarakat Iban juga percaya, hanya mereka yang berada dalam status ini dibolehkan menenun corak pua yang dianggap berbahaya oleh roh atau semangat-semangat.

Namun terdapat perbezaan pendapat berdasarkan Philip Langie (2016) terhadap hierarki dan gelaran bagi status wanita Iban dewasa. Menurut beliau, terdapat tiga tahap atau gelaran utama yang diberikan kepada wanita Iban berdasarkan kemahiran mereka dalam membuat kesenian Iban seperti menenun, menganyam, membuat bakul beserta membuat kerja-kerja rumah. Tiga tahapan menurut tersebut adalah Indu Gar Indu Takar, Intu Puntan Indu Tengkebang dan Indu Sikat Indu Kebat

(Jacqueline Klinsing & Chemalin Usop, 2020: 23) Penerangan Philip terhadap maksud di sebalik tahapan dan gelaran bagi status sosial wanita Iban adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah;

Jadual 1: Pendapat lain Berkenaan Hierarki Sosial Wanita Iban

Gelaran	Penerangan
<i>Indu Gar Indu Takar</i> (Wanita Pakar, Wanita Pintar)	Gelaran ini merupakan tahapan paling tinggi yang mampu dicapai oleh seorang wanita Iban kerana memiliki kemahiran dan kepakaran dalam menghasilkan tenunan besertan anyaman lainnya. Mereka yang berada di tahapan ini dikatakan kebal terhadap pantang larang semasa upacara menenun kain pua. Mereka yang berada pada status ini membawa keberkatan si Petara dan mampu membuat pua yang tinggi nilai serta statusnya.
<i>Indu Putan, Indu Tekebang</i> (Wanita Pereka, Wanita Pencipta)	Gelaran ini pula merupakan darjat kedua tertinggi dalam hierarki untuk wanita Iban. Mereka yang tergolong dalam status ini mempunyai kemahiran untuk membuat motif baharu tanpa perlu berpandukan motif dari penenun lainnya. Mereka ini juga telah dipercayai telah mendapat amanat mimpi daripada petara di samping turut mempunyai kekebalan terhadap pantang larang semasa menenun kain pua.
<i>Indu Sikat, Indu Kebat</i> (Wanita Sulaman, Wanita Tenunan)	Gelaran ini pula gelaran ketiga tertinggi bagi wanita Iban dimana mereka mempunyai kemahiran menenun yang tinggi. Cumanya, mereka tidak mempunyai kemahiran mencipta motif baharu dan tidak kebal dari pantang larang semasa menenun kain pua seperti dua gelaran di atasnya. Masyarakat Iban percaya mereka mahir menenun cumanya tidak mendapat amanat dan mimpi dari petara seperti dua gelaran lainnya.

Sumber: Langie, 2020: 23.

Walaupun berlakunya perbezaan pandangan terhadap susunan hierarki sosial wanita Iban ini, namun kedua tokoh bersetuju menetapkan bahawa dalam hierarki sosial wanita Iban, gelaran yang paling tinggi dan mampu dicapai adalah indu Gar Indu Takar. Hal ini menunjukkan peranan pelaksanaan ritual takar ini dalam menjadikan seorang wanita penenun biasa kepada indu Takar yang dihormati oleh anggota masyarakat dalam rumah Panjang.

Peralihan status wanita Iban melalui Ritual Ngar atau Nakar

Kebolehan menenun kain pua ini juga mempunyai fungsi psikologi berbalik kepada Laki-laki Iban. Hal ini kerana kemampuan untuk menguasai tenunan yang coraknya dianggap berbahaya disamakan dengan kebolehan memburu kepala atau ngayau yang perlu dikuasai oleh lelaki Iban sebelum dianggap sebagai lelaki dewasa.

"...The parallelism between headhunting and pua weaving in the thinking of Iban is best shown by a quarrel between husband and wife, which freeman once overheard in longhouse. After insulting her husband in public, the angry wife finally shouted, "you called yourself a man! Well, prove it by bringing back a head!" The Husband, flushing with shame, replied, "And you make a pua!" (Vogelsanger C., 1979: 121)

Pernyataan dari Freeman dalam Vogelsanger (1979) yang pernah terdengar sepasang suami isteri bergaduh dimana akhir kepada pergaduhan itu ialah apabila si isteri mencabar suami untuk mendapatkan kepala bagi membuktikan kegagahannya. Si suami yang marah dan malu pun membalas cabaran si isteri dengan mencabarnya untuk menenun kain pua. Situasi yang digambarkan oleh Freeman ini jelas menunjukkan bahawa taraf bagi ngayau dan menenun pua adalah sama sehinggalah berlaku saling cabar-mencabar antara pasangan suami isteri tersebut bagi membuktikan kepandaian mereka dalam bidang masing-masing.



Foto 1: Bangie Anak Embol, Indu Ngar di Rumah Gare Sungai Kain Balleh Kapit, atau Gelarannya si Penenun Mimpi

Sumber: (Tun Jugah Foundation, 2020).

Oleh itu, bagi seorang wanita penenun kain pua, mendapat gelaran indu nakar merupakan satu kebanggaan kepada mereka kerana mampu menduduki hierarki tertinggi dalam sistem strata masyarakat Iban untuk kaum wanita dan melayakkan mereka untuk menenun motif berbahaya dan mempunyai darjat paling tinggi atau nama lainnya menenun buah nyaua berpenama (Noria Tugang, 2016: 70). Istilah nakar atau takar itu sendiri dalam Bahasa Iban membawa maksud sukat atau perbuatan menyukat, maka indu takar bolehlah dedefinisikan sebagai wanita yang pandai menyukat bahan-bahan tertentu sebelum menenun kain pua. Sebagai contoh, Rumah Panjang Gare, Kapit terdapat seorang yang berjaya mencapai status indu nakar atau penenun mimpi (Foto 1.0). Beliau sangat dihormati dan disegani dalam

komuniti Rumah Panjang Gare dan disekitarnya kerana merupakan salah satu individu yang dirujuk dalam proses pembuatan kain pua.¹

Ritual nakar secara umumnya dapat dilihat sebagai satu ritual dimana seorang wanita Iban itu akan mengalami benang taiya atau benang kapas berwarna putih ke dalam dulang nakar yang mengandungi bahan asli yang diperoleh daripada hutan. Ritual ini menandakan bahawa seorang penenun itu bersedia ke medan perang ataupun bersedia untuk menenun kain pua yang dianggap mempunyai corak yang berbahaya. Selain itu, hanya wanita yang mendapat mimpi dan arahan dari petara sahaja yang layak melakukan ritual Nakar ini. Oleh itu, wajib bagi wanita yang mendapat mimpi ini melakukan ritual nakar ini. Namun bagi membuktikan kesahihan mimpi yang diberikan ini benar, penenun wanita ini akan menunjukkan beberapa kebolehan yang luar biasa seperti cuaca baik semasa ritual dilakukan menandakan bahawa ritual tersebut mendapat amanat dari Petara. Sekiranya hujan lebat berlaku semasa ritual nakar dijalankan maka wanita itu dianggap telah berbohong. Wanita yang mendapat amanat mimpi ini juga mahir dalam mencipta motif-motif susah, sukar dan dianggap berbahaya dimana mereka mampu menenun tanpa bantuan penenun yang lain walaupun mereka tidak melakukan perkara seperti ini sebelumnya.

Bahan-Bahan yang Diperlukan dalam Pelaksanaan ritual Nakar

Bagi menyempurnakan ritual nakar ini, beberapa bahan hendaklah disediakan mengikut aturan dan sukatan yang telah ditetapkan semenjak turun-temurun. Menurut Noria Tugang (2016) antara bahan dan peralatan yang diperlukan semasa upacara Nakar ialah seperti Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Bahan dan Peralatan semasa proses Upacara Nakar

No.	Bahan	Keterangan
1.	Benang taiya atau benang mentah	Benang taiya atau benang mentah yang merupakan benang mentah bewarna putih. Benang ini juga digelar benang mata kerana belum ditakar atau diukur dan jumlahnya agak banyak.
2.	Dulang	Dulang atau bekas yang diperbuat dari Kayu jenis belian yang diletakkan di ruang tamu rumah Panjang. Bekas ini mempunyai ukuran 3.0m Panjang dan 1.0 meter lebar.
3.	Halia	Halia yang telah ditumbuk dengan halus serta dimasak,
4.	Buah Kepayang Salai	Buah kepayang yang telah disalai diatas para dapur kayu, nama lainnya buah kepayang ini adalah Pau,
5.	Buah Kepayang Rendaman	Buah kepayang yang telah melalui proses rendaman, jemur, dikupas kulit, ditumbuk dan minyaknya diperah.
6.	Kulit buah balong	Kulit buah balong yang mempunyai bau yang wangi dan mempunyai buih seperti sabun dan syampu,
7.	Entemu	Entemu atau nama lainnya temu pauh yang telah ditumbuk dengan lumat,
8.	Kunyit	Kunyit yang juga ditumbuk dengan lumat,
9.	Jerangau	Jerangau atau akar jerangau yang telah ditumbuk lumat,
10.	Garam	Garam akan digunakan dalam jumlah yang sangat sedikit kerana penggunaannya garam yang terlamau banyak untuk diletakkan dalam dulang nakar menyebabkan kain pua yang terbuat dari benang taya yang dicelup tidak tahan lama.
11.	Benang Taya	Benang yang telah diukur (benang ini yang akan dicelup ke dalam dulang oleh wanita penenun semasa ritual nakar dilakukan,
12.	Cekur	Daun Cekur akan diambil dan ditumbuk sehingga lumat sebelum dimasak. Daun ini

		banyak digunakan dalam pengobatan Kaum Iban kerana dikatakan berasal dari Semanang Angau (seorang dukun) (Herpanus, 2011: 261-262).
13.	Piring patah tujuh	Piring patah tujuh atau piring turun tujuh. Piring merupakan sajian untuk petara yang mempunyai bahan tertentu namun jumlahnya mestilah dalam angka tujuh. Hal ini kerana berdasarkan kepercayaan masyarakat Iban, penggunaan piring turun tujuh menandakan tujuh petara dijemput untuk menjamu makanan yang disediakan. Selain ritual nakar, piring turun tujuh turut digunakan dalam upacara miring untuk sambutan gawai yang berskala besar seperti Miring Gawai Kelingkang.

Sumber: Noria Tugang, (2016: 70).

Perlaksanaan Ritual Nakar

Perlaksanaan kepada ritual nakar ini adalah wajib dimana ia merupakan satu arahan daripada petara dan menjadi tanggungjawab semua warga penduduk sesebuah rumah Panjang untuk menjayakannya. Walaupun ritual ini bertujuan agar Wanita penenun yang mendapat amanat mimpi memperoleh kepakaran menenun kain pua, keterlibatan seluruh anggota masyarakat yang bukan sahaja khusus kepada satu rumah Panjang malahan keterlibatan beberapa rumah Panjang disekitarnya menunjukkan peri pentingnya ritual ini untuk dilakukan setelah amanat mimpi dari petara diperoleh.

Proses pertama bagi Kaedah dan Perlaksanaan Ritual Nakar adalah Baum. Baum membawa maksud mesyuarat yang dilakukan oleh penghuni rumah panjang bertujuan bagi menetapkan perkara-perkara penting dalam ritual nakar. Mesyuarat akan menetapkan perkara penting seperti tarikh untuk ritual diadakan, penentuan terhadap jumlah rumah panjang yang akan dijemput, keperluan bahan dan peralatan semasa ritual

diadakan, dan perbincangan terhadap arahan khusus dari petara kepada Wanita penenun yang mendapat amanat mimpi sekiranya ada.



Foto 2: Ruai atau beranda tempat kebiasaan Baum diadakan

Sumber: Noria Tugang & Gregory Kiyai, 2022: 48.

Proses kedua pula ialah Nyendia sereta ngumul ubong taya. Semasa proses ini, para wanita dalam rumah Panjang yang berkenaan dan juga Wanita dari rumah Panjang yang telah dijemput didkehendaki untuk menyediakan benang taya atau benang mentah yang berwarna putih untuk proses sukat dan dicelup kepada warna kuning tua. Pada fasa ini semua Wanita Iban akan cuba untuk ambil bahagian walaupun mempunyai sutas benang taya untuk di sukat dan dicelup semasa ritual nakar dilakukan. Hal ini bertujuan untuk bersama-sama bagi memperoleh ilmu dan kemahiran dalam menenun kain pua melalui ritual nakar yang akan diadakan untuk wanita penenun yang telah mendapat amanat mimpi.



Foto 3: Benang Taiya atau benang mentah yang belum dicelup dalam Dulang Nakar.

Sumber: (Tun Jugah Foundation, 2020).

Proses ketiga dalam ritual nakar ialah Begaga sereta begiga ke utai dempa. Pada fasa ini, semua ahli rumah panjang yang mengadakan ritual nakar akan menyediakan makanan untuk dimakan sepanjang ritual dijalankan. Antara makanan yang biasanya dimasak adalah seperti penganan, kuih jala, mencari ikan di sungai, memburu binatang dan mencari umbut tumbuh-tumbuhan untuk dijadikan lauk semasa merarau. Bagi ahli rumah panjang yang dijemput pula, mereka juga kebiasaannya membawa makanan semasa menghadiri ritual seperti beras, air tapai, beras pulut, kuih muih dan juga lauk pauk yang lain.

Proses keempat pula disebut sebagai bepenti Pemali digelar fasa pantang larang. Semasa fasa ini pelbagai pantang larang perlulah dipatuhi oleh penghuni rumah panjang yang hadir semasa ritual dijalankan. Antara pantang larang yang perlu dipatuhi ialah tidak boleh berkelahi atau berbalah semasa ritual dijalankan, dimana mereka yang berkelahi akan dikenakan bayaran RM1.00 dan seekor ayam oleh ketua rumah Panjang.

Selain itu, pantang larang seperti tidak boleh bercakap perihal yang negatif seperti mengumpat, fitnah, buruk sangka dan juga menghina orang lain sewaktu ritual dijalankan. Wanita iban yang terlibat secara langsung dalam ritual nakar tidak diperbolehkan untuk menjemur pakaian kerana boleh menyebabkan turunnya hujan. Hujan yang turun semasa ritual nakar menunjukkan bahawa ritual tersebut tidak diberkati oleh petara. Proses yang kelima ialah Bambi Pengabang. Bambi pengabang merupakan satu bentuk jemputan kepada orang iban yang tinggal di rumah panjang berhampiran. Tujuan jemputan dijalankan ialah bagi memberikan pengalaman dan mendapatkan ilmu pengetahuan dalam penenunan kain pua kepada wanita iban di rumah panjang yang lainnya.



Foto 4: Proses memasak bahan asli yang akan diletakkan dalam dulang penakar pada awal pagi diketuai oleh Indu Nga

Sumber: (Tun Jugah Foundation, 2020).

Proses yang keenam pula merupakan proses Manduk semua perengka ka disimpan dalam dulang nakar. Semasa proses ini, wanita yang mendapat amanat mimpi dari petara akan mula memasak bahan-bahan asli yang perlu dicampurkan dan diletakkan di dalam dulang nakar. Bahan akan dimasak secara berasingan terlebih dahulu semasa awal pagi semasa subuh pada hari ritual tersebut diadakan sebelum dicampur secara bersamaan dan dicelup dengan benang taya mentah yang putih semasa hari ritual diadakan. Antara bahan yang diletakkan di dalam dulang penakar adalah air halia, air buah kepayang, minyak buah kepayang, entemu, kunyit, jerangau, garam dan cekur.



Foto 5: Dulang Panggau

Sumber: Noria Tugang, et al., 2022: 149.

Proses ketujuh dalam ritual nakar ialah proses Nyedia ke pengaruh. Proses ini memerlukan wanita iban yang terlibat untuk menyediakan pengaruh atau jimat bagi digunakan semasa ritual diadakan. Antara contoh pengaruh seperti pengaruh dulang penakar bai kumbang, penagang ari, dan penyeliah angkat. Orang Iban juga percaya, semasa ritual hendak dijalankan, Wanita-wanita yang terlibat perlu membawa semua pengaruh yang mereka ada supaya mereka boleh mendapat kepakaran menenum yang luar biasa seperti dari para petara seperti Petara Kumbang, Lulong dan Kelinah. Azimat yang paling lazim digunakan ialah Pengaruh Pengalaboh Ambun yang membantu memastikan Benang Taya yang sedang dijemur tidak terkena hujan. Orang

juga percaya azimat ini akan mampu untuk memastikan cuaca baik sepanjang ritual diadakan.

Proses seterusnya pula ialah Masu sereta berunsut ngena pengarah. Proses ini berkesinambungan dengan proses sebelumnya. Menyapu azimat ke badan ini dilakukan sebelum proses kain taya mentah dicelup kedalam dulang nakar yang berisi bahan semula jadi. Pengarah ini akan dibasuh di dalam dulang penakar diketuai oleh wanita yang mendapat amanat mimpi dari petara. Selepas itu, pengarah ini akan disapu diseluruh badan dimana bertujuan untuk menjaga wanita yang terlibat agar tidak lemah samangat atau istilah ibannya alah bulu atau enda layu disebabkan oleh Benang taya. Setelah disapu di badan, azimat atau pengarah ini akan dimandikan atau dibasuh semula di dalam dulang penakar dan di simpan dalam bekas penakar yang lain sewaktu ritual dijalankan, manakala air basuhan azimat akan dibiarkan di dalam dulang penakar untuk dicampurkan dengan bahan semula jadi yang akan digunakan untuk proses menceelup benang taya kemudiannya nanti.



Foto 6: Contoh Pengarah Ai Batu (azimat air batu)

Sumber: Goro, 2018: 28.

Proses selanjutnya ialah Ngena ngepan iban yang merupakan proses memakai pakaian tradisi kaum iban. Semasa

ritual ini diadakan, Wanita yang terlibat wajib menggunakan pakaian ngepan atau pakaian tradisional iban yang lengkap.



Foto 7: Contoh Pakaian Ngepan

Sumber: Jabatan Pemetaan budaya, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2022.

Parang ilang atau nyabor wajib diselitkan di pinggang Wanita yang terlibat. Persediaan dan pemakaian pakain ngepan ini menunjukkan bahawa Wanita ini seakan-akan telah bersedia untuk ngayau dan perang seperti yang dilakukan oleh lelaki. Proses seterusnya pula ialah miring yang merupakan ritual untuk mempersembahkan sajian makanan kepada petara. Dalam ritual nakar, para wanita akan menggunakan piring tujuh atau piring turun tujuh untuk menjamu para petara. Oleh itu, bahan yang diperlukan hendaklah berangka tujuh seperti tujuh helai daun sirih, tujuh helai daun gambir, tujuh biji pinang, tujuh batang rokok nipah atau ruko apung, yang diletakkan diatas pinggan dan pinggan diletakkan diatas hamparan kain pua. Menurut kepercayaan orang Iban, ayam boleh digunakan bagi

menggantikan babi dalam piring Turun Tujuh, namun penggunaan babi adalah lebih baik (Noria Tugang, Bibiana Motey Semang, & Adilawati Asri, 2022: 123-124). Darah babi atau darah ayam akan diletakkan bersama piring tersebut disebalah Dulang Penakar serta Wanita yang telah mendapat amanat ini akan mula membacakan mantra yang berbunyi Langit Tujuh Serak, Tanah Tujuh Kelibak yang membawa maksud mantra langit tujuh lapisan dan tanah tujuh lapisan.



Foto 8: Parang Ilang atau parang Nyabor

Sumber: Adilawati & Noria Tugang, 2019: 6.

Proses yang seterusnya dalam melaksanakan ritual nakar ialah proses Nyelam ke ubong taya. Proses ini merupakan fasa terpenting dalam ritual nakar ini. Benang Taya yang telah menjalani proses miring akan dibawa ke ruang tamu rumah Panjang dan digantung di atas dulang penakar. Sebelum dicelupkan ke dalam dulang penakar, Wanita yang mendapat amanat mimpi perlu mencampurkan bahan asli ke dalam dulang penakar yang terdiri daripada air halia, air buah kepayang, minyak buah kepayang, entemu, kunyit, jerangau, garam dan cekur yang

disukat menggunakan tacu atau tempurung kelapa. Wanita ini juga akan menggunakan bulu landak yang dipacakkan di atas kunyit yang permukaannya diratakan dan diletakkan di hujung dulang penakar. Menurut kepercayaan turun temurun Wanita penenun ini, jika bulu itu condong ke kanan atau kiri maka minyak kepayang perlu ditambah lagi ke bahagian kanan atau kirin tempat bulu itu condong sehinggalah pada akhirnya bulu itu tegak menandakan minyak itu sudah mencukupi. Dulang nakar juga perlu dilangkah sebanyak tujuh kali untuk mengelakkan lemah semangat dan orang pertama merendamkan benang taya adalah anita yang mendapat amanat mimpi dan digelar sebagai Indu nakar Indu Ngar. Hal ini kemudiaan akan diikuti oleh wanita lain yang melibatkan diri dalam ritual ini. setelah itu, Wanita-wanita yang terlibat dalam ritual dikehendaki merendamkan jari tangan kemudiaan jari kaki ke dalam dulang penakar yang sama dimana airnya baru sahaja mendidih diketuai oleh Indu Nakar Indu Ngar. Masyarakat iban juga percaya setelah mnrendamkan jari kaki dan tangan, Wanita ini perlu menjerit sekuat hati secara serentak untuk melawan semangat benang taya. Ini merupakan cabaran terbesar Wanita-wanita ini sepanjang ritual dijalankan.

Proses yang 13 ialah Gantung benang taya dimana benang akan dijemur selama tiga hari dan tidak diangkat dari tanju atau penyidai khas setelah direndam semalaman di dalam dulang nakar. Masyarakat Iban percaya bahawa cuaca dijangka akan kemarau selama tiga hari berturut-turut walaupun ritual dijalankan semasa musim tengkujuh. Mereka juga percaya petaralah yang menganugerahkan cuaca yang baik ini, disamping penggunaan azimat atau pengaruh penagang ari yang digunakan wanita indu nakar membolehkan cuaca menjadi panas. Cuaca yang panas ini akan membolehkan benang yang dijemur ditimpa embun semasa proses jemuran dilakukan. Proses yang ke 14 pula adalah proses merarau yang merupakan makan tengah hari yang dilakukan setelah ritual nakar selesai. Makan secara beramai-ramai ini menjadi satu tanda bahawa ritual berjalan dengan lancar. Indu nakar akan makan bersama-sama dan secara tidak langsung majlis makan tengah hari ini menjadi pemula kepada taraf sosial Wanita tersebut diangkat dalam masyarakat. Makan

tengah hari ini juga menjadi tanda bahawa wanita ini berjaya mengangkat status mereka menjadi yang tertinggi dalam hierarki penenun kain pua. Indu nakar ini juga akan dihiburkan dengan muzik dari alatan seperti gendang, saron, gong, rebana dan juga dengan tarian ngajat yang berlangsung sehinggalah ke waktu petang.



Foto 1.9: Proses mengantung benang taya yang telah direndam dalam dulang takar di atas tanju

Sumber: (Tun Jugah Foundation, 2020).

Proses yang ke 15 pula ialah proses Magi ubong gaar. Proses ini juga diberi nama proses memulangkan benang Taya. Benang yang dijemur akan diuji untuk memastikan sama ada benang tersebut ditimpa embun atau tidak. Benang akan direndam di dalam tacu atau tempurung kelapa yang berisi air putih. Jika air tersebut bertukar keruh seperti air susu, maka benang ini berjaya ditimpa embun. Jika tidak, maka benang akan tetap diangkat dari sidai dan dijemur semula sehingga kering. Benang ini akan diangkat dan dibawa ke bilik indu nakar indu ngar dimana Wanita yang terlibat dalam ritual akan mengambil benang mengikut bahagian masing-masing dan bersedia untuk ritual selanjutnya iaitu ritual mungga dan ngirit. Proses yang terakhir dalam ritual nakar ini adalah Mungga atau mengirit yang merupakan proses akhir sebelum penenun-penenun bebas

menenun jenis dan motif kain pua yang diinginkan. Mungga dan Ngirit adalah kerja-kerja meleraikan, menyusun dan mengira benang-benang taya yang telah dicelup untuk proses menenun motif yang diinginkan kelak. Wanita yang tidak mengikuti ritual nakar juga diperbolehkan mengikuti proses ini. proses ini juga boleh disimpulkan sebagai kerja-kerja asas dalam penenunan dimana jumlah utas benang akan dikira berdasarkan motif yang perlu dibuat. Dalam fasa Mungga ini, ritual miring akan diadakan sekali lagi dengan menggunakan piring turun tujuh untuk memohon kesempurnaan, izin serta restu petara panggau libau dan Orang Gelong Batu Benang semasa tenunan dilakukan. seekor ayang biring jantan akan dikorbankan dimana darahnya akan diletakkan di dalam piring bersama bahan makanan yang lain. Seterusnya air tuak atau air tapai akan dituangkan ke dalam piring dan diletakkan di sebelah penenun sehingga tenunan yang dihasilkan selesai.



Rajah 2: Proses dan kaedah Perlaksanaan Ritual Nakar

Sumber: Noria Tugang, 2016: 75-86.

Rajah 2 di atas menerangkan proses yang perlu dilalui sepanjang ritual nakar itu dijalankan. Proses ini hendaklah

dijalankan berdasarkan turutan yang telah ditetapkan semenjak zaman nenek moyang kaum Iban itu lagi. Justeru jumlah proses yang perlu dilalui serta pantang larang yang perlu dipatuhi sepanjang ritual ini dilakukan menjadi bukti bahawa status indu nakar indu ngar itu standing dengan kaum laki-laki yang mengikuti ekspedisi perang dan ngayau. Hal ini kerana ritual ini bukan sahaja memerlukan persediaan fizikal, bahkan memerlukan kemampuan dari segi mental serta semangat yang kuat bagi melawan anasir negatif yang memungkinkan seorang Wanita itu menjadi gila dan boleh membawa kepada kematian sekiranya mempunyai semangat yang lemah.

Kesimpulan

Penguasaan kepada kemahiran asas dalam pembuatan kain pua juga sangat dititikberatkan kerana hanya melalui penguasaan terhadap kemahiran menenun dan mencapai status tertinggi Indu Ngar membolehkan wanita ini mengubah kedudukan mereka dalam hierarki strata Masyarakat. Kepentingan menguasai kemahiran menenun ini sangat jelas apabila kaum wanita ini mula diajar oleh ibu dan nenek mereka semenjak berusia 10 tahun lagi. Tujuan paling asas yang menyebabkan kemahiran menenun ini diterapkan dalam kalangan wanita iban adalah supaya mereka mempunyai kain yang mencukupi untuk kegunaan harian dan juga kegunaan ritual. Hal ini kerana tanpa kemahiran menenun, wanita iban ini cuma mampu berharap mendapatkan kain pua dengan cara membeli dengan penenun lainnya. Hal ini akan memberi kesan kepada wanita tersebut kerana harga kain pua yang asli sangat mahal di samping ada diantara kain pua yang mempunyai corak tertentu tidak dijual oleh si penenun. Ini akan menyebabkan wanita tersebut dipandang serong kerana tidak mampu menyediakan kain pua yang mencukupi bagi kegunaan keluarganya. Komuniti tidak akan menyalahkan kaum lelaki kerana sudah menjadi amalan turun-temurun Masyarakat iban bahawa kaum wanitalah yang bertanggungjawab dalam memastikan kain pua sentiasa mencukupi di rumah.

Justeru itu, dalam kalangan penenun kain pua, telah wujud hierarki khusus yang ditentukan berdasarkan kemahiran yang dimiliki oleh si penenun. Walaupun berlaku perselisihan pendapat dalam kalangan ahli sarjana yang mengkaji berkenaan sistem sosial kaum iban ini terutama berkaitan dengan hierarki dan susun lapis dalam kalangan penenun ini. Namun kesemua pengkaji bersetuju bahawa Indu Ngar atau Indu Nakarlah yang menduduki status paling tinggi. Ini berlaku disebabkan oleh ritual nakar untuk mengangkat status wanita penenun. Nama bagi ritual nakar ini juga diinspirasikan daripada kebolehan wanita penenun mengukur bahan yang diperlukan untuk merendam benang Taya yang digelar sebagai proses nakar. Selain itu, perbuatan mencelup jari kaki dan tangan dalam dulang Nakar yang berisi bahan semula jadi yang masih mengelegak juga dikenali sebagai perbuatan ngar. Perbuatan mengukur dan mencelup jari kaki dan tangan inilah yang menjadi inspirasi untuk panggilan indu Ngar dan Indu nakar sebagai panggilan bagi status paling tinggi dalam hierarki wanita penenun kain pua kerana telah mampu menyelesaikan ritual nakar yang dianggap paling sulit dalam menguasai kemahiran menenun kain pua.

Akhir sekali, kaum iban sangat mempercayai mimpi sebagai satu petanda dan amanat dari petara. Oleh itu, sekiranya wanita iban terutamanya dalam kalangan penenun mendapat mimpi berkenaan dengan suruhan melakukan ritual nakar, maka wajib baginya menjalankan ritual tersebut. Namun begitu, ritual nakar bukanlah satu ritual yang mudah kerana untuk menjalankan ritual nakar memerlukan penyertaan semua ahli rumah Panjang termasuklah ahli rumah Panjang yang berhampiran. Ritual nakar juga bukanlah ritual yang bersifat tunggal melainkan wujudnya ritual-ritual lain di dalamnya menjadikan ritual ini sangat sulit untuk dijalankan. Oleh itu, sekiranya seseorang wanita penenun berjaya menjalankan ritual nakar dari awal sehingga akhir dengan berjaya, membolehkan mereka mendapat rasa hormat dan disanjung tinggi dari komuniti rumah Panjang. Hal ini kerana setelah melalui ritual nakar yang Panjang akan membolehkan wanita penenun ini bebas menenun apa jua motif yang

dikehendaki disamping membolehkan motif yang dicipta itu dianggap berharga oleh Masyarakat.

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

- Adilawati & Noria Tugang. 2019. Arts and Aesthetics Towards Parang Ilang in the Culture of the Iban. *The International Journal of Innovative Design, Creativity and Social Science*, 3(1).
- Awanis Hidayati. 2017. Ritual Tenun Ikat Pua Kumbu Dalam Budaya Wanita Iban. *Jurnal Visualita*, 6(1).
- Charles Hose. 1926. *Natural Man: A record from Borneo*. Singapore: Oxford University Press.
- Gavin Traude. 2004. *Iban Rituals Textiles*. Singapore: Singapore University Press.
- Goro Hasegawa. 2018. Iban Gawai in Their Twilight in Kapit, Malaysia. *Journal of Indonesia and Malay World*, 46(135).
- Herpanus. 2011. Fungsi Tumbuhan Cekur (*Kaempferia Galanga* L.) dan Setawar (*Costus Speciosus*) dalam Kehidupan Tradisional Suku Dayak Desa. *SARI-International Journal of The Malay World and Civilisation*, 29(1).
- Jacqueline Klinsing & Chemaline Usop. 2020. Persepsi Masyarakat Iban terhadap Tenunan Kain Pua Sungkit di Batang Ai. *KUPAS SENI, Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 8(2).
- Jensen Erik. 1974. *The Iban and their Religion*. Oxford: The Clarendon Press.
- Kim Jane Saunders. 1997. *Contemporary Tie and Die Textiles of Indonesia*. New York: Oxford University Press.
- Lenna Demay Ak Joseph Machine. 2007. Kajian Cerita Rakyat Masyarakat Iban di Sarawak, Kota Samarahan. *Tesis Ijazah Sarjana Muda*. Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Noria Tugang & Gregory Kiyai @ Keai. 2022. *Penganan*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Mohamad Zamani Pit

- Noria Tugang, Bibiana Motey Semang & Adilawati Asri. 2022. *Warisan Budaya Miring dalam Masyarakat Iban di Sarawak*. Kota Samarahan: Unimas Publisher.
- Noria Tugang. 2016. Nakar: Ritual Peralihan Status Penenun Pua Iban. *Borneo Research Jurnal*, Jilid 10.
- Peter Mulok Kedit. 1980. *Modernization Among the Iban of Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Salmah Jan Noor Muhammad. 2018. The Influence of Animism on the Customs and Culture of the Iban Community. *International Journal of Humanities and Social Science*, 8(8).
- Vogelsanger C. 1979. *A Sight for The Gods, Notes on the Social and Religious Meaning of Iban Ritual Fabrics*. University of Texas: Textiles Museum Publisher.
- Wadley R. L. 2000. Reconsidering an Ethnic Label in Borneo. The 'Maloh' of West Kalimantan, Indonesia. dlm King V. T. 2001. A Question of Identity: Names, Society, and Ethnic Groups in Interior Kalimantan and Brunei Darulsalam. *SOJOURN: Journal of Social Issues in Southeast Asia*, 16(1).

Laman Sesawang

- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. 2022. *Laman Rasmi Jabatan Pemetaan budaya*. Diambil dari <https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my/> pada 11 Februari 2023.
- Tun Jugah Foundation. Living In the Ngar. 2020. Diambil dari <https://ceravasarawak.com/living-in-the-ngar/> pada 11 Februari 2023.

Nota

- ¹ Beliau merupakan antara penenun yang berjaya mencapai status indu Ngar di rumah panjangnya. Beliau tiada penerus kerana tiada yang betul-betul mempunyai keinginan sepertinya yang mahu mencapai tahap indu ngar dengan sendirinya dan tidak berharap dengan kuasa spiritual yang ada pada indu ngar yang terdahulu.